

**HELAIAN MAKLUMAN PRODUK**

Baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Kredit Hong Leong. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

**Hong Leong Bank Berhad**  
**Kad Kredit**  
**Tarikh:**

**1. Apakah produk ini?**

Kad ini merupakan kad kredit Hong Leong ("Kad Kredit") dengan kemudahan kredit yang diberikan kepada pemegang kad. Sekiranya sebarang jumlah kredit yang digunakan oleh pemegang kad tidak dijelaskan sepenuhnya pada/sebelum tarikh matang, jumlah yang tidak dijelaskan akan dikenakan caj kewangan.

**2. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?**
**Had Kredit**

Saluran kredit pusingan yang diluluskan oleh Bank, berdasarkan kelayakan Pemegang Kad.

Jenis Kad	Had kredit minima (RM)
<b>Kad Pelancongan</b>	
Hong Leong Infinite  (Visa)	100,000
Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)	12,000
Hong Leong Infinite (Visa)	45,000
AirAsia Platinum (Visa)	12,000
AirAsia Gold (Visa)	2,000
<b>Kad perniagaan</b>	
Platinum Business (Mastercard)	12,000
<b>Kad Rebat</b>	
WISE Platinum (Visa)	12,000
WISE Gold (Visa)	2,000
Essential (Visa)	2,000
The Store and Pacific Platinum (Mastercard)	12,000
The Store and Pacific Gold (Mastercard)	2,000

Jenis Kad	Had kredit minima (RM)
<b>Kad mata ganjaran</b>	
Sutera Platinum (Visa/Mastercard)	12,000
Gold (Visa/Mastercard)	2,000
GSC Platinum (Visa/Mastercard)	12,000
GSC Gold (Visa/Mastercard)	2,000
<b>Kad asas</b>	
I'm (Mastercard)	2,000

Nota: Selaras dengan terbitan Garis Panduan Kad Kredit bertarikh 2 Disember 2016, kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit baru ditetapkan pada RM24,000 setahun. Pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang hanya dibenarkan memiliki kad kredit daripada maksimum dua (2) pengeluar kad sahaja. Selain itu, had maksimum kredit yang diberikan kepada pemegang kad tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar kad.

• Pemegang Kad akan tertakluk kepada caj kewangan:-

**(i) Pembelian Runcit**

Kadar faedah akan dikira atas dasar harian selepas tamat tempoh tanpa faedah asalkan baki semasa penyata sebelumnya telah dibayar sepenuhnya oleh pemegang kad pada tarikh bayaran perlu dibuat. Jika tidak, faedah akan dikira atas dasar harian dari tarikh pengeposan berkaitan. Caj kewangan mungkin berubah bagi setiap akaun berdasarkan rekod bayaran selama 12 bulan lepas oleh pemegang kad seperti di bawah:

Perilaku pembayaran balik pemegang kad	Kadar faedah runcit
Pemegang-pemegang kad yang membuat bayaran minimum secara tetap selama 12 bulan berturut-turut	15% setahun
Pemegang-pemegang kad yang membuat bayaran minimum secara tetap selama 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan	17% setahun
Pemegang kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas	18% setahun

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi transaksi runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

**(ii) Pendahuluan Tunai**

- 18% setahun ke atas amanu tertunggak dikira atas dasar harian dari tarikh transaksi hingga tarikh penyelesaian penuh.
- (Untuk kad Essential sahaja) 10.8% dikira atas dasar harian, dari tarikh transaksi. Bagaimanapun, jika pemegang kad ingkar membuat bayaran mana-mana baki tertunggak perlu bayar kepada Hong Leong Bank Berhad ("Bank"), bank berhak untuk mengenakan caj standard 18% setahun.

NOTA: Had maksimum pengeluaran tunai harian adalah tertakluk kepada kesediaan Had Tunai kad anda dan had pengeluaran semasa mana-mana ATM sekiranya pengeluaran tunai dibuat melalui ATM; yang mana lebih rendah.

• Pemegang Kad berlayak untuk:

Jenis ganjaran	Jenis kad
<b>Pulangan Tunai</b>	
<b>Berkuatkuasa pada 1 Disember 2018</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>0.4% Pulangan Tunai untuk semua transaksi Insurans</li> <li>Untuk Transaksi Runcit* lain <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tier 1 – 0.4% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan RM7,000 pertama</li> <li>- Tier 2 – 1% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan seterusnya</li> </ul> </li> </ul>	Essential
10% Pulangan Tunai akan dikreditkan untuk semua Transaksi Runcit yang sah dalam kategori perbelanjaan yang didaftarkan dan tertakluk kepada maksimum sebanyak RM100 setiap bulan. Pulangan Tunai tertakluk pada transaksi runcit minimum RM2,000 (transaksi dicatatkan) dalam satu bulan kalender yang diperlukan.	WISE
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan menerima Pulangan Tunai (dalam bentuk baucar The Store/Pacific): <ul style="list-style-type: none"> <li>- 3% untuk perbelanjaan RM1,500 yang pertama di The Store/Pacific.</li> <li>- 6% untuk perbelanjaan RM1,501 ke atas berikutnya di The Store/Pacific.</li> <li>- 0.5% untuk semua Transaksi Runcit* lain.</li> </ul>	The Store /Pacific
Nota: Tertakluk kepada maximum rebat tunai RM75 dalam satu kitaran bil daripada perbelanjaan di cawangan-cawangan The Store/Pacific.	
<b>Mata ganjaran</b>	
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan Mata Ganjaran.	Sutera Platinum/Gold/GSC
<b>MAS Enrich Miles</b>	
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan MAS Enrich Miles berdasarkan:	Hong Leong Infinite  / Infinite / Infinite Doctor's Edition
<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempatan: RM2.8 = 1 mile</li> <li>Luar Negara : RM1.8 = 1 mile</li> </ul>	

AirAsia BIG Points	Jenis ganjaran	Jenis kad
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan AirAsia BIG Points berdasarkan: - Transaksi AirAsia : RM1 = 6 BIG Points (Gold & Platinum) - Luar Negara : RM2 = 1 BIG Point (Gold & Platinum) - Tempatan : RM3 = 1 BIG Point (Platinum)      RM5 = 1 BIG Point (Gold)		AirAsia

\*Transaksi Runcit merangkumi semua transaksi runcit tempatan dan luar negara KECUALI semua transaksi berkaitan dengan Kerajaan dan JomPAY, Pendahuluan Tunai, Tunai Kuasi (pertaruhan dan transaksi perjudian yang berkaitan), Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus, Pelan Bayaran Flexi, Balance Transfer, Transaksi Petrol (termasuk transaksi runcit di stesen petrol), Caj Kewangan, Caj Lewat dan Bayaran Yuran Tahunan kecuali Kad Essential, Sutera Platinum, WISE, AirAsia dan Hong Leong Infinite dimana transaksi petrol akan diberikan.

### 3. Apakah tanggungjawab saya?

#### Bayaran balik bulanan minimum

- 5% daripada baki tunggakan atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

#### Tempoh tanpa faedah untuk transaksi pembelian runcit

- 20 hari dari tarikh penyata asalkan baki semasa penyata sebelumnya pemegang kad telah dibayar sepenuhnya pada tarikh bayaran perlu dibuat. Jika tidak, faedah akan dikira atas dasar harian dari tarikh pengesahan berkaitan.
- Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawab untuk semua baki tunggakan yang ditanggung atas Kad Prinsipal dan Kad Tambahan, jika ada. Pemegang Kad Tambahan akan bertanggungjawab untuk baki tunggakan yang ditanggung atas Kad Tambahan beliau sahaja.

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

#### Yuran penggantian kad (Tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm)

- Sebarang penggantian kad adalah tertakluk kepada Yuran Penggantian Kad sebanyak RM50 (atau suatu amaun yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa).

#### Transaksi luar negara

- Transaksi dalam Matawang Asing - Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa International, Mastercard International, ditambah sehingga 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank.

1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.

- Transaksi dalam Ringgit Malaysia (RM) - Yuran pentadbiran yang dicaj oleh Visa International, atau Mastercard International.

#### Yuran pendahuluan tunai (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan, berdasarkan amaun tunai pendahuluan)

- Yuran pendahuluan tunai adalah 5% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20 yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai.
- (Untuk kad Essential sahaja) Yuran pendahuluan tunai adalah 2% daripada amaun didahulukan atau minimum RM5, yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak untuk mengenakan kadar standard 5% setiap transaksi atau RM20, yang mana lebih tinggi, menurut budi bicaranya.
- (Untuk kad Platinum Business sahaja) i) Pengeluaran melalui cek: Tiada yuran. ii) Pengeluaran melalui ATM: Yuran pendahuluan tunai adalah 3% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20, yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak untuk mengenakan kadar standard 5% setiap transaksi atau RM20, yang mana lebih tinggi, menurut budi bicaranya.

#### Yuran Tahunan<sup>3</sup>

Jenis kad	Prinsipal	Sampingan
	Yuran Tahunan (RM)	Yuran Tahunan (RM)
<b>Kad Pelancongan</b>		
Hong Leong Infinite <sup>2</sup> (Visa)	Tiada yuran tahunan	Tiada yuran tahunan
Hong Leong Infinite (Visa)	Tiada yuran tahunan	Tiada yuran tahunan
Hong Leong Infinite Doctor's Edition(Visa)	Tiada yuran tahunan	Tiada yuran tahunan
AirAsia Platinum (Visa)	350	150
AirAsia Gold (Visa)	200	80
<b>Kad perniagaan</b>		
Platinum Business (Mastercard)	400	200
<b>Kad rebat</b>		
WISE Platinum (Visa)	300	150
WISE Gold (Visa) yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2016	160	80
WISE Gold (Visa) yang diluluskan mulai 1 Oktober 2016 dan seterusnya	250	80
Essential (Visa)	100	50
The Store and Pacific Platinum (Mastercard)	300	150
The Store and Pacific Gold (Mastercard)	150	75
<b>Kad mata ganjaran</b>		
Sutera Platinum (Visa/Mastercard)	400	200
Gold (Visa/Mastercard)	160	80
GSC Platinum (Visa/Mastercard)	300	150
GSC Gold (Visa/Mastercard)	150	75
<b>Kad asas</b>		
I'm (Mastercard)	Tiada yuran tahunan	Tiada yuran tahunan

<sup>1</sup> Tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.

<sup>2</sup> Berkenaan dengan Kad Kredit I'm.

<sup>3</sup> Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

Penerangan yuran dan caj <sup>3</sup>	Amaun (RM)
Cukai Perkhidmatan Kad Kredit (setiap kad)	25
Pencarian rekod jualan (setiap salinan) <sup>1</sup>	20
Permintaan salinan penyata fizikal bulanan (setiap penyata)	5
Yuran penyertaan (setiap kad) <sup>2</sup>	20
Penyelenggaraan kategori (untuk kad WISE sahaja)(setiap kategori)	10
Yuran pemprosesan tahunan (untuk kad The Store dan Pacific sahaja) Tiada Yuran Pemprosesan Tahunan dikenakan oleh The Store Card Sdn Bhd untuk tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, Yuran Pemprosesan Tahunan akan dikenakan mengikut status keahlian: The Store/Pacific Gold (setiap tahun) The Store/Pacific Platinum (setiap tahun)	20 40
Yuran penghantaran semula untuk Program Hong Leong Rewards. Bayaran nominal sebanyak RM10 akan dikenakan bagi setiap penghantaran selepas percubaan penghantaran yang tidak berjaya yang pertama di bawah program Hong Leong Rewards:	
i) Yuran penghantaran semula ke alamat yang lain (setiap permintaan) ii) Yuran penghantaran semula ke alamat yang sama (setiap permintaan) iii) Sebagai alternatif, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk menggunakan 2,500 Mata Ganjaran (PC:9000) sebagai bayaran untuk setiap permintaan penghantaran semula	10 10
Yuran berkaitan kemudahan cek (untuk kad Platinum Business sahaja)	
i) Permohonan/terbitan buku cek (setiap helaian) ii) Yuran pemprosesan cek (mulai 1 Januari 2015) (setiap terbitan cek) iii) Pemusnahan buku cek tidak dituntut lebih 28 hari (setiap buku cek) iv) Cek dikembalikan - Disebabkan kekurangan dana (setiap cek) - Disebabkan masalah teknikal (cth: pindaan)(setiap cek)	0.15 0.50 30 150 10
v) Pemberhentian bayaran - Atas permintaan (setiap cek) - Disebabkan buku cek hilang (setiap arahan) - Apabila cek yang diberhentikan diserahkan:- • Jika dana mencukupi (setiap cek) • Jika dana tidak mencukupi (setiap cek)	10 10 10 150

## 5. Bagaimakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

### Caj bayaran lewat

- Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah tunggakan pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada RM100 maksimum.

### Hak untuk penyelesaian

- Bank boleh, menurut budi bicaranya dan dengan memberi notis 7 hari kalendar, menyelesaikan sebarang baki kredit di dalam akaun (-akaun) anda yang dibuka dengan Bank dengan sebarang baki tunggakan di dalam akaun kad kredit ini.

### Liabiliti untuk transaksi tanpa kebenaran

Pemegang Kad tidak akan dipertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran kad-hadir yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan yang telah disahkan atau penggunaan kad tanpa-sentuh, dengan syarat Pemegang Kad tidak:

- (i) melakukan penipuan;
- (ii) tangguh dalam memaklum Bank kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit;
- (iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
- (iv) mencatatkan PIN pada Kad Kredit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit;
- (v) meninggalkan Kad Kredit atau apa-apa yang mengandungi Kad Kredit tanpa jagaan di mana-mana tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- (vi) secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Kredit

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad dikehendaki berhati-hati dalam melindungi Kad Kredit walaupun di tempat kediaman Pemegang Kad.

Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

### Tanggungjawab Pemegang Kad:

- (a) Mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Kredit;
- (b) Mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga Kad Kredit dan PIN selamat pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
  - i. mendedah butiran Kad Kredit atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
  - ii. memapar PIN di atas Kad Kredit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
  - iii. menggunakan PIN dipilih daripada tarikh lahir Pemegang Kad;kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor perhubungan; dan
  - iv. membekalkan mana-mana orang lain untuk menggunakan Kad Kredit dan PIN;
- (c) Memaklum Bank secepat mungkin setelah diketahui Kad Kredit hilang, dicuri atau satu transaksi tanpa kebenaran atau PIN telah terjejas.
- (d) Memaklum Bank dengan segera apabila menerima khidmat pesanan ringkas Bank (SMS) amaran transaksi jika urus niaga itu tanpa kebenaran.
- (e) Memaklum Bank dengan segera sebarang perubahan pada nombor telefon Pemegang Kad;
- (f) Menggunakan Kad Kredit dengan penuh tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk apa-apa aktiviti haram; dan
- (g) Menyemak Penyata dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.

## 6. Bagaimakah sekiranya saya menyelesaikan semua baki sebelum tarikh matang?

Tempoh Terikat - Berbeza mengikut setiap promosi

Penalti penyelesaian awal

Balance Transfer : RM70 akan dicaj jika pemegang kad menyelesaikan semua baki sebelum tamat tempoh matang yang dipilih.

Call-For-Cash Plus : RM25 kan dicaj jika pemegang kad menyelesaikan semua baki sebelum tamat tempoh ansuran yang dipilih.

## 7. Apakah risiko utama?

- Dengan menjelaskan bayaran balik bulanan secara minimum, ia akan mengambil tempoh yang lebih lama dan kos untuk menjelaskan baki tunggakan juga lebih tinggi. Fikirkan kemampuan anda untuk membayar balik semasa menggunakan kad kredit. Sekiranya anda menggunakan kad kredit anda untuk membayar balik pembiayaan lain, kos yang anda tanggung mungkin lebih tinggi. Hubungi pihak Bank untuk rundingan perancangan kewangan dan alternatif pembayaran, sekiranya perlu.
- Sekiranya kad kredit dan/atau PIN anda hilang atau dicuri, atau mendapat kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran, sila maklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta di HOTLINE : +603-7626 8899.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan kapada maklumat peribadi saya?

- Bank perlu dimaklumkan mengenai perubahan maklumat perhubungan anda secepat mungkin untuk memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya. Anda boleh menghubungi kami di 03-7626 8899 untuk melakukan sebarang perubahan. Untuk pelanggan Hong Leong Online, sila layari Hong Leong Online Personal dan pilih "Kemaskini Akaun Saya" diikuti oleh "Kemaskini Maklumat Perhubungan".

## 9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad kredit, sila rujuk buku kecil maklumat perbankan mengenai "Kad Kredit", yang boleh diperolehi di semua cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my.
- Untuk maklumat terkini yang terkandung di dalam Helaian Makluman Produk ini, dan terma & syarat lengkap produk kami, sila layari www.hlb.com.my. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maklumat terkini dan terma & syarat yang terdapat di laman web Hong Leong Bank akan berkuat kuasa.
- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda seharusnya menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di:

### Consumer Collections Department

Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor. Tel: +603-7959 1888 Fax: +603-7873 5555  
E-mail: HLBB-CreditControl\*TL@hlbb.hongleong.com.my

- Alternatifnya, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 03-2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang ditawarkan oleh AKPK menggalakkan pengurusan wang secara berhemah dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my
- Jika anda ada sebarang pertanyaan, soal atau maklum balas, anda boleh menghubungi kami di :

### Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience

Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel : 03-7626 8899 Fax: 03-7946 8888  
E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 Fax: +603-2174 1515 E-mel: bnmtelalink@bnm.gov.my

## 10. Lain-lain produk kad kredit yang sedia-ada

Pelbagai keistimewaan mengujakan dengan Kad Kredit kami:-

- i. Kad Touch'n Go - kad sampingan yang dihubungkan dengan Kad Kredit Hong Leong anda.  
ia menambah nilai RM100 secara automatik setiap kali baki Kad Touch'n Go berada di bawah RM50.
- ii. Balance Transfer (BT)
- iii. Call-for-Cash (CFC)
- iv. Call-for-Cash Plus (CFC+)
- v. Extended Payment Plan (EPP)

Yuran*	Amaun (RM)
Yuran terbitan (setiap kad)	10
Yuran pengantian kad (setiap kad)	10
Yuran tambah nilai automatik (setiap tambahan)	2

\*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

## NOTA PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN BALIK ATAS BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini adalah sah pada / /

This page is intentionally left blank.